

**NO SOALAN :42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN  
(ROMPIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.10.2017**

**Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menentukan masa depan sistem kewangan Islam, agar memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan ekosistem ekonomi dan global.

**JAWAPAN**

Malaysia berada pada landasan yang teguh sebagai peneraju industri kewangan Islam global. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan dalam memastikan masa depan sistem kewangan Islam di Malaysia kekal utuh dan berpotensi untuk memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan ekonomi dan global.

2. Usaha ini termasuk mengukuhkan rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan pematuhan Syariah khususnya melalui pengukuhan dan pelaksanaan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah (*Shariah Governance Framework*) dan penerbitan 12 piawaian Syariah. Piawaian yang diterbitkan ini bertujuan memperjelas lagi penggunaan kontrak Syariah kepada industri bagi mempertingkatkan ketentuan Syariah (*Shariah certainty*) serta menyediakan persekitaran perundangan yang kondusif.
3. Selain daripada itu, Kerajaan juga menggalakkan penglibatan institusi kewangan Islam dalam memberikan sokongan dan manfaat kepada sektor ekonomi benar (*real economic sector*) dengan mengambil kira perkembangan teknologi kewangan (fintech) melalui inisiatif seperti berikut:
  - i. Pengenalan Piawaian Syariah Bank Negara Malaysia bagi menyokong innovasi produk dan perkhidmatan;
  - ii. Penubuhan Regulatory Sandbox atau Sandbox Pengawalseliaan oleh Bank Negara Malaysia bagi membolehkan institusi kewangan Islam membangunkan solusi fintech yang inovatif; dan

iii. Penawaran peluang pelaburan melalui Platform Akaun Pelaburan (IAP) bagi tujuan menyediakan pengantaraan yang cekap kepada pelanggan.

4. Selain itu, pasaran modal Islam telah berkembang lebih dua kali ganda antara 2006 dan 2016. Pada akhir Julai 2017, nilai pasaran modal Islam Malaysia mencapai RM1.8 trilion, iaitu 59.2% daripada jumlah saiz pasaran modal domestik. Malaysia juga terus mengekalkan kedudukan utama bagi sukuk global terkumpul sebanyak 50.1% atau USD192.2 bilion.

5. Bagi memenuhi permintaan dan keperluan global untuk pembiayaan yang bertanggungjawab dan mapan, Malaysia telah menerbitkan sukuk hijau (green sukuk) pertama di dunia pada bulan Julai 2017. Terbitan ini adalah berasaskan rangka kerja Sustainable and Responsible Investment Sukuk (SRI) sejajar dengan usaha berterusan Malaysia untuk mengukuhkan pasaran modal Islam domestik dan serantau.

6. Kerajaan juga mempergiat usaha meningkatkan peranan kewangan Islam dalam pembiayaan sosial melalui Perjanjian Kerjasama Strategik Dana Waqf antara enam buah institusi

perbankan Islam dan majlis-majlis agama Islam negeri. Kerjasama ini bertujuan mengenal pasti dan membangunkan projek-projek berkaitan pemerksaan ekonomi, pendidikan, kesihatan dan pelaburan. Ia juga menggalakkan sumbangan kepada projek-projek waqaf melalui saluran perbankan.

7. Di peringkat global pula, usaha berterusan dilaksanakan untuk mempermudah transaksi kewangan Islam merentas sempadan yang lebih luas melalui perkongsian kepakaran dan infrastruktur kewangan Islam melalui kerjasama dua hala dengan negara-negara seperti United Kingdom, Hong Kong, Turki, Indonesia dan Jepun. Kepakaran institusi kewangan Islam Malaysia yang beroperasi di rantau ASEAN juga telah memperkuatkan perdagangan dan aliran modal serantau dan antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua,

8. Melangkah ke hadapan, usaha ditumpukan untuk merealisasikan potensi institusi kewangan Islam untuk memberi impak yang lebih besar kepada ekonomi serta pertumbuhan lebih berkualiti. Pelaksanaan rangka kerja Pengantaraan Berteraskan Nilai atau '*Value-Based Intermediation*' (VBI) yang diperkenalkan oleh Bank

Negara Malaysia baru-baru ini dijangka dapat memperkasakan kemampuan institusi kewangan Islam untuk memberikan kesan yang lebih positif dan mapan kepada pertumbuhan ekonomi, komuniti dan alam sekitar. Industri perbankan Islam akan didorong untuk terus menambah baik penyediaan perkhidmatan kewangan yang lebih telus.